

**Article Info:**

Received Date: 13 November 2019

Accepted Date: 17 December 2019

Published Date: 19 December 2019

Corresponding Author:

eizz2712@yahoo.com

## Seni ragam hias ukiran warisan peradaban Merong Mahawangsa

**Nurul Izzah Mohd Johari**

**Tajul Shuhaizam Bin Said**

**Harozila Ramli**

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengutarakan beberapa objek seni yang dipercayai wujud sejak zaman kerajaan Langkasuka. Kajian ini turut mengetengahkan hasil kesenian ukiran Melayu tradisi dan kontemporari yang dipengaruhi daripada kesenian zaman Merong Mahawangsa. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah penelitian artifak dan hasil seni, penilaian teks serta sesi temubual diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Hasil kajian akan membuktikan bahawa ragam hias ukiran tradisional Melayu bercirikan flora dan fauna dipengaruhi dari motif-motif yang berhubungkait dengan Merong Mahawangsa, seperti motif Naga, bunga Lotus dan Rajawali. Penelitian juga memperlihatkan kesinambungan pengaruh seni reka motif yang dipercayai wujud pada zaman Merong Mahawangsa kepada kesenian ragam hias motif ukiran tradisional Melayu dan kontemporari. Secara tidak langsung mengetengahkan pengetahuan tentang motif-motif tersebut berhubungkait dengan faktor sosiobudaya ketika zaman pemerintahan kerajaan tersebut. Bukti kesenian tersebut banyak diperlihatkan pada ukiran kayu tradisional Melayu, terutama sekali pada senibina rumah tradisi, Masjid dan Istana. Implikasi kajian ini bakal memberi suatu pengetahuan baharu kepada khususnya penggiat seni dan sejarah dan masyarakat umum tentang susuralur ikon senireka motif ragam hias tradisional Melayu adalah warisan dari peradaban Merong Mahawangsa.

**Kata Kunci:** Merong Mahawangsa; Seni Reka Ragam Hias Tradisional Melayu; Sosiobudaya; Ikon

### Abstract

*This aim of this study to reveal some of the objects of art believed to have existed since the time of Langkasuka period. The study also highlighted the traditional Malay carving arts and contemporary art is influenced from the times told. This research is the qualitative studies using artifact and art research methods, text assessment and interview sessions were applied in this research. The findings will prove that traditional Malay carving decorative feature of the flora and fauna influenced motifs associated with Merong Mahawangsa, like a dragon motif, lotus flower and Rajawali. Research also showed a continuation of the effects of design motif that is believed to exist at the time told to artistic decorative motif traditional Malay carving and contemporary. Indirectly, knowledge of these motifs was associated with socio-cultural factors during the reign of the kingdom. Evidence of the many art shown in traditional Malay wood carving, especially in the architecture of traditional houses, mosques and the Palace. The implications of this study will provide a new knowledge to particular artists, historians and the general public about flow the beginning of icon designing the decorative motifs of traditional Malay heritage from civilization of Merong Mahawangsa period.*

**Keyword:** Merong Mahawangsa; Decorative Arts Design in Traditional Malay; Sociocultural; Icon

## **PENGENALAN**

Definisi perkataan Merong Mahawangsa menurut Nai Long Mazlan Nai Long Abdul Majid, membawa pengertian bahawa 'Merong' atau 'Me-Rong' bermaksud Naga Laut. Manakala 'Maha' bermaksud pembesar dan 'Wangsa' atau 'Wang-Ser' memberi pengertian puak tentera (bangsa Harimau). Oleh yang demikian, Hikayat Merong Mahawangsa boleh dilabelkan sebagai Hikayat 'Naga Laut Pembesar (pemerintah) Puak Tentera (bangsa harimau)'. Bermaksud bangsa Naga Laut merupakan golongan pemerintah kepada bangsa Harimau. Ia berdasarkan kepada pengertian perkataan tersebut. Mengikut sumber dari Kedah Zaman Silam, catatan Dato' James F. Augustine (1996), Raja Merong Mahawangsa dijangka hidup dari tahun 1218 hingga 1286 Masihi dan penempatan yang beliau bina adalah bersambung di kedua-dua belah puncak Kedah. Definisi seni Melayu pula menurut Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon (2002) ialah merupakan satu proses dinamisme budaya Melayu, iaitu proses perhubungan yang diolah sama ada melalui penggunaan ucapan, gerak laku dan gaya, ukiran, hiasan, lakaran, tulisan, lukisan atau lambangan lain. Seni tradisional Melayu adalah merangkumi seni rupa dan seni persembahan. Dalam seni rupa pula mengandungi seni berbentuk 2 dimensi, 3 dimensi dan 4 dimensi. Contoh seni tradisional Melayu berbentuk 2 dimensi ialah seni reka batik. Contoh seni tradisional Melayu berbentuk 3 dimensi adalah seni ukiran. Manakala contoh untuk 4 dimensi pula ialah seni pertukangan keris. Elemen-elemen dalam seni ukiran tradisional Melayu pula mempunyai motif ragam hias yang mempunyai nilai estetika. Maka, tidak mustahil sekiranya motif-motif tradisional tersebut mempunyai falsafah dan penceritaannya yang tersendiri. Dalam kajian bertajuk Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa ini menekankan dua aspek utama objektif kajian. Objektif pertama ialah mengenalpasti artifak, prasasti, barangan antik dan seni ukiran lama yang mempunyai seni reka motif yang dipercayai wujud sejak era Langkasuka. Manakala objektif kajian yang kedua ialah membuat perbandingan persamaan antara seni reka motif ukiran yang terkini dengan jumpaan prasasti, artifak atau barangan antik yang bermotif ukiran yang dipercayai wujud dari zaman Langkasuka. Kedua-dua objektif ini akan memberi gambaran perspektif dan persepsi yang baharu kepada masyarakat umum.


## **METODOLOGI**

Kajian Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa ini menjurus kepada kajian yang berbentuk kualitatif, dengan pendekatan kajian kes. Ia melibatkan penelitian, perincian dan pengetahuan yang intensif mengenai seni ragam hias ukiran sebagai suatu kes yang hendak dikaji. Perincian tersebut diperolehi ketika proses kajian lapangan dijalankan. Lokasi kajian lapangan adalah terdiri daripada Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Negara Kuala Lumpur, Muzium Kraf Kuala Lumpur, rumah waris Tuan Haji Abdul Rahman Merbok dan Akademi Nik Rashiddin yang terletak di Bachok, Kelantan. Teknik pengumpulan data yang diaplikasi adalah penelitian melalui pemerhatian terperinci terhadap motif-motif ukiran yang terdapat pada artifak, rumah tradisional, prasasti yang dijumpai di sekitar Negeri Kedah, iaitu negeri yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan analisis dokumen daripada sumber sekunder. Selain itu, ragam hias ukiran yang terdapat pada hasil kesenian masa kini turut menjadi sampel pemerhatian pengkaji bagi mencari persamaan dan kesinambungan ragam hias motif ukiran yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa.

**Jadual 1:** Teknik pengumpulan data ‘Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa

Bil	Objektif Kajian	Data	Teknik Pengumpulan Data
1	Mengutarakan beberapa objek seni yang dipercayai wujud sejak zaman kerajaan Langkasuka.	A) Artifak	Pemerhatian, rakaman visual analisis dokumen
2	Mengetengahkan hasil kesenian ukiran Melayu tradisional dan kontemporari yang dipengaruhi dengan kesenian motif dari zaman Merong Mahawangsa.	A) Ukiran Kayu	Pemerhatian, rakaman visual, analisis dokumen

## DAPATAN KAJIAN



**Objek seni yang dipercayai wujud sejak zaman kerajaan Langkasuka**

**Gambar 1**

Objek seni : artifak (Serpihan bangunan)  
Motif : Makara  
Lokasi ditemui : Sungai Mas, Kedah  
Tahun kewujudan : abad ke 7 masihi  
Tahun penemuan : 2007  
Sumber : *Kerajaan – kerajaan Melayu (Galeri B), Jabatan Muzium Negara*



**Gambar 2**

Objek seni : artifak (monument Langkasuka)  
Motif : Makara  
Lokasi ditemui : Lembah Patani  
Tahun kewujudan :  
Tahun penemuan : 1974  
Sumber : H.G Quaritch Wales (1974)



**Gambar 3**

Objek seni : Singgahsana Raja  
Motif : Hanuman  
Lokasi ditemui : Balai Besar Negeri Kedah  
Tahun kewujudan : sekitar 1896  
Tahun penemuan :  
Sumber : Koleksi gambar daripada Tuanku Aishah bonda Tuanku Nahar (2017)




**Gambar 4**

Objek seni : Kepala Bahtera DiRaja Petala Indera Seri Kelantan  
Motif : Petala Sakti / Petalawati  
Lokasi ditemui : Kelantan  
Tahun kewujudan : Rabi'alawal 1319 hijrah bersamaan 1901 masihi  
Sumber : 'Langkasuka Negara Melayu Pertama' dan 'Iktisar Sejarah Kelantan'



**Gambar 5**

Objek seni : Ukiran kayu tebok tembus  
Motif : Keluk Pakis  
Lokasi ditemui : Rumah Tuan Hj Abdul Rahman Merbok.  
Tahun kewujudan : Berusia lebih 100 tahun  
Tahun penemuan :  
Sumber : Kajian Lapangan pengkaji



**Gambar 6**

Objek seni : Ukiran kayu tebok tembus  
Motif : Keluk Pakis  
Lokasi ditemui : Masjid Teluk Manok / Masjid Wadi Hussein, Thailand  
Tahun kewujudan : 1768  
Tahun penemuan :  
Sumber : 'Langkasuka Negara Melayu Pertama' dan 'Masjid Telok Manok, Tertua di Thailand'.



**Gambar 7**

Objek seni : Batu Bersurat Ibnu Sirdhan  
Motif : Kaligrafi Jawi  
Lokasi ditemui : Kampung Tupah, Merbok, Kedah  
Tahun kewujudan :  
Ditemui/dikaji oleh: Penduduk setempat.  
Sumber diperolehi Kajian Lapangan di Muzium Arkelogi Lembah Bujang Kedah



**Gambar 8**

Objek seni : Panel Lelangit Mimbar  
Motif : Langkasuka  
Lokasi ditemui : Kelantan  
Tahun kewujudan : Pertengahan abad ke-19  
Ditemui/dikaji oleh: Nik Rashiddin dan Rosnawati dari Akademi Nik Rashiddin, Kelantan.  
Sumber diperolehi : Kajian lapangan di Galeri Akademi Nik Rashiddin

**Gambar 9**  
Lakaran motif Langkasuka



Merujuk kepada gambar 1 dan 2, gambar 1 adalah artifak yang bermotifkan Makara. Artifak tersebut merupakan koleksi Muzium Negara yang dipamerkan di Galeri B Kerajaan Melayu. Makara ini telah dijumpai di Kampung Sungai Mas, Kuala Muda, Kedah. Ia dipercayai telah wujud dari abad ke-7 Masihi. Ia adalah serpihan sebahagian daripada pintu masuk Istana Merong Mahawangsa. Makara ini merupakan simbolik gabungan dua haiwan iaitu gajah dan ikan. Iaitu haiwan yang berkuasa di darat dan di laut. Manakala gambar 2 ialah ukiran Kota Candi, monumen Langkasuka yang ditemui oleh Wales pada tahun 1974 di Lembah Patani. Melihat kedua-dua prasasti ini seakan-akan mempunyai kesinambungan hampir sama dari segi ukiran motifnya dan fungsinya sebagai sebahagian dekorasi pada sesuatu binaan sebuah kota. Gambar 3 adalah singgahsana raja yang bermotifkan Hanuman. Motif ini juga merujuk kepada jelmaan haiwan tetapi tidak dapat dikenalpasti jenis haiwan tersebut. Namun begitu ia menyerupai seakan-akan haiwan mitos iaitu Naga ataupun Hanuman mengikut kepercayaan Hindu iaitu menyerupai gabungan kera dan manusia. Ia menjadi sebahagian motif yang sering menghiasi peralatan istana suatu ketika dahulu. Motif ini juga sering digunakan dalam kesenian masyarakat Langkasuka di Patani. Manakala gambar 4 pula ialah kepala bahtera DiRaja Petala Indera Seri Kelantan. Kepala bahtera ini dihiasi dengan ukiran yang bermotifkan Petala Sakti atau juga dikenali dengan nama Petalawati. Menurut Mohd Zamberi A. Malek (2011), motif tersebut adalah sebahagian motif yang menjadi perlambangan masyarakat Langkasuka. Seterusnya adalah gambar 5 dan 6 iaitu ukiran kayu yang bermotifkan keluk pakis dengan kaedah tebok tembus. Seni reka motif ini telah dijumpai menghiasi salah sebuah Masjid lama dan tertua di Asia Tenggara iaitu Masjid Teluk Manok, Patani. Masjid ini dipercayai sudah berusia lebih 300 tahun. Motif keluk pakis ini juga menghiasi rumah ulama yang terkenal di negeri Kedah suatu ketika dahulu iaitu Haji Abdul Rahman Merbok. Menurut salah seorang waris beliau, Saad bin Haji Salleh Bin Haji Abdul Rahman, rumah tersebut dipercayai telah berusia lebih 100 tahun. Gambar 7 adalah artifak Batu Bersurat Ibnu Sirdhan. Pada artifak tersebut terdapat ukiran yang bermotifkan kaligrafi jawi. Artifak tersebut ditemui oleh penduduk setempat di Kampung Tupah, Merbok, Kedah. Gambar 8 adalah panel langit mimbar koleksi dari Galeri Akademi Nik Rashiddin. Panel tersebut diukir dengan motif Langkasuka dan dipercayai wujud pada pertengahan abad ke-19. Kelapanlapan gambar di atas adalah gambar objek seni yang mempunyai seni reka motif yang dipercayai telah wujud sejak era zaman kerajaan Langkasuka lagi, iaitu peradaban dari pemerintahan Raja Merong Mahawangsa. Manakala gambar 9 adalah contoh lakaran motif Langkasuka berpandukan pada ukiran panel langit mimbar pada gambar 8 tersebut.


***Seni ukiran Melayu tradisional dan kontemporari yang dipengaruhi oleh seni reka motif ragam hias dari peradaban Merong Mahawangsa.***

***Gambar 10***


Objek seni : Penghadang  
Jenis seni : Ukiran kayu Tradisional  
Motif : Keluk Pakis  
Lokasi : Muzium Kraf, Kuala Lumpur  
Sumber : Kajian lapangan pengkaji



**Gambar 11**




**Gambar 12**











**Gambar 13**



**Gambar 14**



**ANALISA HASIL DAPATAN KAJIAN**

BIL.	OBJEK SENI	Gambar	JENIS SENI REKA MOTIF	CONTOH UKIRAN MASA KINI BERKONSEP TRADISIONAL & KONTEMPORARI
1.	Artifak		Makara	 Badek Makara
2.	Singgahsana Raja		Hanuman	 Keris Tanjong
3.	Ukiran kayu tebok tembus		Keluk Pakis	 Penghadang
4.	Artifak		Kaligrafi	 Panel dinding



5.	Panel Lelangit Mimbar		Langkasuka	 <p data-bbox="992 472 1109 510">Congkak</p>
----	-----------------------------	---	------------	--

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat 5 motif ukiran tradisional dipengaruhi daripada seni ragam hias yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa. Ini kerana motif-motif tersebut telah menjadi sebahagian daripada tradisi dalam masyarakat Melayu sejak dahulu kala lagi. Sebagai contoh, motif tersebut menjadi ragam hias di bangunan lama seperti masjid, Istana dan rumah tradisional. Motif dari peradaban Merong Mahawangsa ini juga telah diadaptasikan dalam kebudayaan dan kesenian masyarakat dahulu. Kreativiti tersebut diaplikasikan dengan cara motif-motif tersebut menjadi ragam hias pada alatan tradisional dan permainan tradisional. Contohnya, congkak tradisional bermotifkan Langkasuka.

Akhir sekali, walaupun kedudukan Langkasuka iaitu kota pemerintahan Merong Mahawangsa masih menjadi polemik sehingga ke hari ini, namun kehadiran Merong Mahawangsa ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu bukan sahaja membentuk ketamadunan masyarakat ketika itu, malah ia turut mempengaruhi perkembangan kepada kesenian motif-motif ukiran tradisi Melayu masa kini. Seni reka motif-motif tersebut secara tidak langsung telah menjadi ikon dan inspirasi kepada seni reka motif ukiran tradisional Melayu dan kontemporari masa kini.

## RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali & Mardiana Nordin. (2012). *Kedah Warisan dan Sejarah*. Selangor: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, d/a Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak Mahmud. (2002). *Iktisar Sejarah Kelantan*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bharu, Kelantan.
- Dato' James F. Augustine. (1998). *Bab 2 Raja-Raja Mahawangsa dalam Kedah Zaman Silam*. Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Hendra Gunawan. (2013). *Masjid Telok Manok, Tertua di Thailand*. <http://bujangmasjid.blogspot.my/2013/06/masjid-telok-manok-tertua-di-thailand.html> diperolehi pada 29 April 2017.
- Ismail Said. *Art of Woodcarving in Timber Mosques of Peninsular Malaysia and Southern Thailand* dalam Paper Presented In Symposiums And Conferences And Published In Journal 1990 – 2001. <http://www.geocities.ws/isaid04652/Fulltext007.html> diperolehi pada 30 April 2017.
- Kerajaan-Kerajaan Melayu* (Galeri B): Makara. Diperolehi pada 16 November 2016. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara Malaysia.
- Khazanah Yang Belum Diterokai: Natif Ke Kreatif* dalam pameran Penerokaan Kraf Malaysia dari 7 Februari 2017 hingga 6 Mac 2017. Diperolehi pada 21 April 2017. Kuala Lumpur: Muzium Kraf.
- Mohd Zamberi A. Malek. (2011). *Pusat Pemerintahan Langkasuka dalam Langkasuka Negara Melayu Pertama*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.
- Mohd. Zamberi A. Malek. (2011). *Pengaruh Sosio-Politik Luar dalam Langkasuka Negara Melayu Pertama*. Kuala Lumpur: Anjung Media Resources.
- Nai Long Mazlan Nai Long Abdul Majid (anaianai). *Empayar Islam Benua Siam Kedah*. <http://sejarahnagarakedah.blogspot.com/> diperolehi pada 5 April 2017.

- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon. (2002). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rosnawati Othman. (2013). *Motif Langkasuka Dalam Kesenian Melayu*. Dalam <http://hikmahmelayu.blogspot.my/2013/03/kertas-kerja-hikmah-iv-motif-langkasuka.html>. Diperolehi pada 30 April 2017.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Encik Saadi Bin Haji Salleh. Waris Haji Abdul Rahman. Kajian lapangan pada 17 Mac 2017.